

'Jangan cabar saya isu seleweng dana RM600b'

BH - 7/12/2022 m/c: 2

Anwar maklum ada beberapa proses, prosedur tak dipatuhi ketika pemerintahan PN

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan Tan Sri Muhyiddin Yassin, supaya tidak mencabar beliau dalam isu membabitkan dakwaan penyelewengan peruntukan RM600 bilion oleh pentadbiran Perikatan Nasional (PN) sebelum ini.

Anwar pada sidang media pertamanya selepas dilantik Menteri Kewangan, semalam memaklumkan terdapat beberapa proses dan prosedur yang tidak dipatuhi ketika pemerintahan PN.

Beliau juga mendedahkan, syarikat yang mempunyai kepentingan 'membabitkan keluarga' turut terbabit dalam penyelewengan perbelanjaan itu.

"Kontroversi angka ini (antara RM580 hingga RM600 bilion) dimainkan ketika kempen PRU15 (Pilihan Raya Umum Ke-15), kononnya kerajaan dahulu membelanjakan wang begitu banyak untuk rakyat.

"Selepas diteliti, sejumlah besar daripada wang itu adalah daripada KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) iaitu wang simpanan hari tua rakyat dan juga untuk moratorium bank.

"Namun, ada beberapa puluh bilion yang menunjukkan ada pelanggaran peraturan. Justeru, kepada Tan Sri Muhyiddin, jangan cabar kerajaan kerana ada beberapa peraturan dan prosedur yang tidak dipatuhi serta ada



Anwar mengimbas kad perakam waktu pada hari pertama sebagai Menteri Kewangan di Putrajaya, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

beberapa syarikat berkepentingan membabitkan keluarga turut terpalit," katanya.

Sebelum ini, Anwar pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat khas Kabinet berkata, pegawai Kementerian Kewangan mengesahkan terdapat pelanggaran serius prosedur berhubung dakwaan perbelanjaan hampir RM600 bilion ketika pentadbiran kerajaan diterajui Muhyiddin.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah menyerahkan perkara itu untuk disiasat jabatan berkaitan, namun memaklumkan belum ada perbincangan pada peringkat Kabinet sama ada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) akan ditubuhkan bagi menyasat perkara itu.

Ramai desak tubuh RCI

Sebelum ini, ramai yang mendesak supaya RCI ditubuhkan bagi menyasat perbelanjaan RM600 bilion ketika pandemik itu, selain laporan polis dibuat menuntut siasatan diadakan.

Anwar dalam pada itu berkata, biarpun pemimpin PN menguar-uarkan pentadbiran itu bersih, ia sebenarnya tidak bersih sama sekali.

Katanya, perkara itu sudah pun diulas beliau dua tahun lalu di Parlimen kerana ia seolah-oleh usaha untuk mengelirukan rakyat.

Sementara itu, Anwar turut mengingatkan Setiausaha Agung PAS, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, supaya tidak bersikap gopoh ketika mengeluarkan

kan kenyataan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadapnya.

Beliau menyifatkan pemimpin PAS itu tidak membaca fakta yang ada.

"RM600 bilion itu peruntukan sepenuhnya, tetapi kita akan teliti di mana ada pelanggaran peraturan dan ketirisan.

"Saya nak nasihatkan Takiyuddin, jangan gopoh kerana saya di Kementerian Kewangan. Fail ada pada saya," katanya

Anwar mengulas kenyataan Takiyuddin tengah malam tadi yang kesal dengan tuduhan berunsur fitnah dikeluarkan Perdana Menteri, yang membayangkan kononnya dana pilihan raya PN datang daripada syarikat perjudian.